

27 MAR 2002

Syed Hamid-Keganasan (Bergambar)/I

48 NEGARA SAHKAN PENYERTAAN APDA SESI KHAS OIC

PUTRAJAYA, 27 Mac (Bernama) -- Sejumlah 48 daripada 57 negara anggota telah mengesahkan penyertaan masing-masing pada Sesi Khas menteri-menteri Luar Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) mengenai keganasan di sini minggu depan.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata beberapa negara anggota lain mungkin akan hadir pada sesi tiga hari itu yang bertujuan mencari definisi tepat bagi keganasan dan puncunya.

Beliau berkata 27 negara akan diwakili oleh menteri luar masing-masing.

"Bagi standard OIC, ia merupakan standard yang tinggi," katanya kepada pemberita ketika ditanya mengenai respons negara-negara anggota mengenai mesyuarat itu.

Syed Hamid sebelum itu menemui delegasi lima anggota parlimen Kazakhstan yang diketuai pengerusinya Zharmakhan Tuyakbay di Wisma Putra di sini.

Syed Hamid juga berkata persidangan itu bukan merupakan tempat untuk menghentam mana-mana negara.

"Ia bukan persidangan yang bertujuan untuk menghentam atau bercakap perkara yang negatif mengenai mana-mana negara tetapi mahu membina keyakinan serta mencari penyelesaian selain membuat cadangan," katanya.

Menurut Syed Hamid banyak negara Islam menderita akibat insiden 11 Sept apabila Islam dikaitkan dengan keganasan dan mesyuarat itu akan cuba menyingkirkan salah tanggapan ini.

"Kami berharap pada akhir persidangan, satu deklarasi menyatakan prinsip-prinsip dan tindakan yang akan diambil serta langkah-langkah susulan bagi membolehkan kita memberi pandangan dalam arus perdana dunia, setakat mana yang membabitkan keganasan," katanya.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadual menyampaikan ucapan pada sesi itu pada 1 April.

"Kami menjangkakan mereka (perwakilan) akan menyertai sesi itu secara aktif, setiap orang memberikan pandangan dan pendapat masing-masing. Dan ucapan Dr Mahathir, saya yakin menjadi satu daripada asas yang akan digunakan oleh perwakilan untuk membincangkan tajuk itu," kata Syed Hamid.

-- BERNAMA

RV AHH LAT